

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perancangan Kementerian dalam mempelbagaikan biasiswa (seperti Mybrain sebelum ini) atau pembiayaan untuk membantu pelajar-pelajar pascasiswazah membayar yuran pengajian mereka di Universiti Awam (UA) pada masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat komited dalam melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi untuk membangunkan negara, serta berkebolehan menjadi pemimpin yang dapat mencorakkan masa depan negara yang lebih cemerlang. Menyokong usaha ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan dalam bentuk biasiswa dan bantuan kewangan pendidikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Ini bagi membantu meringankan beban kewangan pelajar-pelajar yang memerlukan pembiayaan pengajian di samping memberikan galakan kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Antara program pembiayaan pendidikan di bawah KPT yang disediakan kepada pelajar pascasiswazah yang berkelayakan ialah program:

- (i) MyBrainScience;
- (ii) Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB);
- (iii) Skim Latihan Akademik IPTA;
- (iv) Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi;
- (v) Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Pegawai Bukan Akademik di Universiti Awam;
- (vi) Biasiswa Tokoh Siswa; dan
- (vii) Biasiswa Atlet Cemerlang IPT.

Tidak terhad kepada itu, pelajar pascasiswazah dalam kalangan OKU juga layak menerima Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU).

Melangkah ke hadapan, KPT merancang untuk mewujudkan program bantuan kewangan yang baharu dikenali sebagai KPT IHSAN. Inisiatif ini adalah antara langkah untuk menambah baik kemudahan pembiayaan sedia ada khususnya kepada kumpulan sasaran yang lebih besar. Skop bantuan yang disediakan melalui program ini termasuklah pembelian peranti, pembayaran yuran peperiksaan kemasukan ke universiti seperti IELTS, bantuan persediaan ke IPT, bayaran yuran tertunggak dan bantuan yuran penyelidikan. Berbanding kaedah penilaian pemberian pembiayaan pendidikan sedia ada yang memfokuskan kepada merit dan penilaian prestasi akademik, KPT IHSAN akan menumpukan kepada aspek keperluan pelajar (*need-based approach*) sebagai pemberat utama dalam menentukan penyaluran bantuan.

Suka juga saya kongsi di sini bahawa selain daripada KPT, pembiayaan pendidikan turut disediakan oleh institusi Kerajaan yang lain, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Yayasan-yayasan Negeri. Antaranya ialah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), MARA, PETRONAS, Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan Telekom, Bank Negara Malaysia dan Khazanah Nasional. Malah, di peringkat universiti sendiri telah diwujudkan tabung endowmen pendidikan yang diuruskan oleh Pejabat Tabung Endowmen masing-masing. Melalui tabung ini, pelbagai kemudahan dan bantuan pendidikan boleh disalurkan kepada pelajar-pelajar universiti yang berkelayakan.

Sekian, terima kasih.